

22/09/2000

Jangan naikkan harga barang: PM

Norbakti Alias; Zulkofli Jamaludin

SHAH ALAM, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan peniaga tidak menaikkan harga barang serta perkhidmatan apabila harga minyak meningkat.

"Jangan sesiapa menaikkan harga kerana harga minyak naik. Tidak ada hak untuk sesiapa menaikkan harga barangan dan perkhidmatan kerana kenaikan minyak hanya membabitkan peratus kecil kos pengeluaran," tegas Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, sekali pun harga minyak naik 10 peratus, ia hanya membabitkan peningkatan 0.5 peratus kerana kos minyak cuma kira-kira lima peratus daripada kos keseluruhan pengeluaran.

Beliau menegaskan demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Peranan Media di Negara-Negara Berkecuali di sini, hari ini.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Wartawan Melayu, Pertubuhan Belia dan Pelajar Berkecuali (Nasyo) Wilayah Asia Timur serta kerajaan negeri Selangor.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir.

Sebelum ini, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin berkata kerajaan bercadang mengkaji kenaikan harga petrol di negara ini berdasarkan tanggungan subsidi sebanyak RM1.5 bilion setahun.

Pada 1997 keseluruhan subsidi yang diberi berjumlah kira-kira RM961.2 juta dan meningkat kepada RM1.242 bilion pada 1998.

Malah, pada masa ini harga petrol, diesel dan gas petroleum cair (LPG) di Malaysia adalah antara yang paling rendah di Asean.

Harga petrol di Singapura dan Thailand adalah 160 peratus dan 35 peratus lebih tinggi daripada Malaysia.

Harga diesel di Singapura dan Thailand adalah 77 peratus dan 69 peratus lebih tinggi daripada Malaysia.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mungkin menaikkan harga minyak kerana harga bahan pembakar itu kini meningkat terlalu tinggi.

"Kalau pun kita naikkan harga, ia masih lagi membabitkan subsidi. Kita tidak boleh mengelak daripada memberi subsidi.

"Kita tidak dapat memberi subsidi terlalu banyak kerana pada waktu harganya rendah mungkin. Sebenarnya kita membelanjakan lebih RM1 bilion untuk subsidi minyak," katanya.

Ditanya bila harga bahan pembakar itu akan dinaikkan, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkajinya dan sentiasa berhati-hati untuk menjaga kebajikan rakyat.

Mengenai kenaikan tambang pengangkutan, beliau berkata, kerajaan ingin tahu kos pengeluaran keseluruhan meningkat sebanyak mana sama ada 20 atau 30 peratus.

"Jadi, tambang tidak boleh lebih daripada peratusan itu," katanya.

(END)